

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. TUAN NGA KOR MING  
(TAIPING)**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**Y.B. TUAN NGA KOR MING [ TAIPING ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berapakah jumlah GDP yang disumbangkan kepada negara mengikut negeri masing-masing dan berapakah peruntukan Kerajaan Persekutuan kepada negeri tersebut mengikut nama negeri.

**JAWAPAN**

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi tahun 2013, jumlah peratus sumbangan kepada GDP dan jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan mengikut negeri adalah di **Lampiran A**.

Bil.	Negeri	Tahun 2013	
		Sumbangan kepada GDP Negara  (%)	Jumlah Pemberian Kerajaan Persekutuan  (RM)
1.	Johor	9.2	714,771,948
2.	Kedah	3.4	360,405,470
3.	Kelantan	1.8	418,624,775
4.	Melaka	2.9	159,413,101
5.	Negeri Sembilan	3.6	273,727,193
6.	Pahang	4.1	360,191,617
7.	Pulau Pinang	7.0	186,492,860
8.	Perak	5.3	513,758,492
9.	Perlis	0.5	134,278,165
10.	Selangor	23.7	769,976,233
11.	Terengganu	2.6	300,166,746
12.	Sabah	5.8	996,818,096
13.	Sarawak	9.5	1,094,536,599

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN SU KEONG SIONG  
DARIPADA [ IPOH TIMOR ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan Su Keong Siong [ Ipoh Timor ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan berapa Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) baru yang telah dan/atau akan dibina di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10). Berapakah jumlah peruntukan yang telah disediakan untuk membina sekolah-sekolah rendah yang baru di bawah RMK-10.

**JAWAPAN**

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sebanyak Enam (6) buah projek pembinaan SJKT baharu telah diluluskan dengan kos sebanyak RM 119.36 juta di bawah RMKe-10 iaitu:

- (i) SJKT Taman PJS, Petaling, Selangor ( asal adalah SJKT Tan Sri Manickavasagam, Selangor)
- (ii) SJKT Taman Keladi, Kedah
- (iii) SJKT Bandar Sri Alam, Pasir Gudang, Johor
- (iv) SJKT Bandar Mahkota Cheras, Selangor
- (v) SJKT Taman Sentosa, Kelang, Selangor
- (vi) SJKT Heawood, Sg. Siput, Perak